



جباتن اوکور

Survey Department
Ministry of Development
Negara Brunei Darussalam

Ref : [13] dlm.SS/1223/2

Tarikh : 03 Ramadan 1446H
04 Mac 2025

SIARAN AKHBAR

MAJLIS PEMBUKAAN TADARUS AL-QURAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA KELOLAAN JABATAN UKUR BAGI TAHUN 1446H/2025M

Selasa, 03 Ramadan 1446H / 04 Mac 2025

Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada hari ini telah membuka tirai Majlis Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Surau Kementerian Pembangunan.

Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya pada tahun ini dikelolakan oleh Jabatan Ukur dan dijadualkan berlangsung selama tiga minggu di Surau Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Turut hadir ialah Yang Mulia, Sr. Dayang Hajah Norhayati Binti Haji Mohd Yakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan); Yang Mulia, Dayang Aldila binti Haji Mohamed Salleh Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang); Yang Mulia, Haji Shahrudin bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional); Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya; Ketua-ketua Jabatan; para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan diikuti dengan bacaan Surah Al-Baqarah Juzuk 1 diketuai oleh wakil Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama peserta qari dan qariah yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selepas membaca Al-Quran.

-Bersambung-



جباتن اوکور

**Survey Department
Ministry of Development
Negara Brunei Darussalam**

Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya seterusnya akan diadakan pada Khamis, 27 Mac 2025, bertempat di Masjid Kampung Beribi, Bandar Seri Begawan.

-TAMAT-

Pegawai Fokal dilantik:
Willyza Bibiana binti Ibrahim
Juruukur
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Personel
Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
Tel: 827 9497
Emel: willyza.ibrahim@survey.gov.bn

Dibenarkan Oleh:
Nor Zetty Akhtar binti Haji Abdul Hamid
Pemangku Juruukur Agung
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam